

KUTKM, DBP anjur Kolokium Kefahaman Seni Budaya Institusi Pengajian Tinggi

Archival News | Utusan Malaysia | 22/12/2003

MELAKA 21 Dis. — Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dengan kerjasama Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) akan menganjurkan Kolokium Kefahaman Seni Budaya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2003 di Hotel Golden Legacy, di sini, Sabtu depan.

Timbalan Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Pelajar KUTKM, Zainuddin Ahmad berkata, kolokium sehari itu diadakan untuk menyediakan hala tuju kepada pemimpin, ahli akademik, tokoh budayawan, mahasiswa IPT dan belia berwacana berkaitan dengan seni budaya.

Menurutnya, ia diharap dapat memberi pendedahan mengenai isu semasa, cabaran dan peranan budaya dalam masyarakat untuk mengharungi masa depan yang lebih mencabar.

``Empat kertas kertas kerja akan dibentangkan dalam kolokium tersebut dengan menampilkan pakar budaya dalam bidang masing-masing, '' katanya di sini hari ini.

Menurutnya, antara pembentang kertas kerja kolokium tersebut ialah Pengarah Akademi Seni Kebangsaan, Noor Siah Sabri yang akan membentang kertas kerja bertajuk Dasar Kebudayaan: Isu-isu Semasa Dan Permasalahan sosial Dari Aspek Budaya dan Pegawai dari Istana Budaya, Rosminah Tahir dengan kertas kerja bertajuk Hala Tuju Seni Budaya di Malaysia Mengikut Perspektif Kebudayaan Kebangsaan.

Turut terlibat membentangkan kertas kerja pada majlis itu ialah Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan Malaysia, Datuk Dr. Hasan Ahmad dengan kertas kerja bertajuk Warisan Budaya Bangsa dan Tahap Penghayatan Generasi Muda Masyarakat Malaysia serta Pensyarah Universiti Malaya, Profesor Rahmah Bujang menampilkan tajuk Penghayatan Seni Budaya dari sudut Estetika dan Falsafah.

Kata Zainuddin, selain kertas kerja, Forum Wacana Budaya akan diadakan bertajuk Cabaran Budaya di Era Globalisasi dengan anggota panel terdiri daripada Dr. Dato' Safei (KUTKM), Dr. Zainal Abidin Borhan (UM) dan Dr. Latif Bakar (ISSMA).

Mereka yang berminat untuk menyertai kolokium itu boleh menghubungi Pejabat Hal Ehwal Pelajar KUTKM di talian 06-2332435.

(Source : Utusan Malaysia)